

Kerjasama pengguna, peniaga minimumkan kos

Ketika menongkah arus globalisasi yang semakin mencabar, negara kita tidak dapat melepaskan diri daripada belunggu inflasi iaitu kenaikan harga barang secara menyeluruh.

Senario ini bukan saja memberikan beban kepada rakyat jelata berpendapat rendah, tetapi boleh memberi kesan politik dan sosial kepada negara.

Satu faktor menyebabkan inflasi ialah kenaikan harga minyak. Tidak dapat dinafikan bahawa harga petroleum naik secara drastik di pasaran antarabangsa sehingga pernah mencecah AS\$144 setong pada 2007. Hal ini memangkinkan kegiatan penyeludupan minyak petrol dan diesel yang telah disubsidikan oleh kerajaan ke negara jiran.

Penyeludupan jejaskan rakyat

Kerajaan terpaksa menaikkan harga minyak petrol dan diesel

untuk mengurangkan beban kewangan. Penyeludup yang tamak menyebabkan rakyat jelata mengalami penderitaan.

Bencana alam juga menjadi punca kenaikan harga barang. Ketika berlakunya banjir atau kemarau yang berpanjangan, hasil tanaman pasti berkurangan. Sebagai contoh, ketika

“*Kerjasama pengguna, peniaga dan keprihatinan pihak berkuasa amat signifikan untuk meminimumkan inflasi sehingga mencapai inflasi sifar*”

dilanda musim tengkujuh, harga sayur-sayuran akan naik secara mendadak. Sayur sawi pernah mencecah harga RM8 sekilo, manakala cili merah kini mencecah RM15 sekilo sebagai harga runcit.

Pemanasan global

Sejak beberapa tahun ini, negara pengeluar makanan terutama Thailand, Russia, India dan Kanada sering mengalami pelbagai musibah yang berkaitan dengan pemanasan global. Hasil tanaman mereka mengalami kemerosotan. Akibatnya, kerajaan negara berkenaan sanggup mengehadkan eksport hasil tanaman dan ternakan seperti beras, bahan tenusu, tepung gandum dan bawang. Rentetan daripada itu, rakyat kita terpaksa membeli barang makanan yang semakin mahal.

Tambahan pula, kenaikan mata wang asing berbanding ringgit menyumbang kepada gejala ini. Sejak kegawatan eko-

nomi 1997, nilai mata wang Malaysia menjunam. Peniaga negara kita terpaksa mengimport pelbagai barangan dari luar negara dengan mata wang asing.

Negara kita terpaksa berurus niaga dengan negara asing melalui dollar. Walaupun harga barangan tertentu tidak mengalami kenaikan harga di pasaran antarabangsa, rakyat kita terpaksa menanggung kos yang tinggi akibat nilai mata wang Malaysia yang agak rendah.

Untuk melepaskan diri daripada belunggu inflasi, Kementerian berkaitan harus bertindak bijaksana. Kerjasama pengguna, peniaga dan keprihatinan pihak berkuasa amat signifikan untuk meminimumkan inflasi sehingga mencapai inflasi sifar.

MUHAMAD NURAZRIN KAMARUDIN,
Universiti Sains
Islam Malaysia ~